




PARLIMEN MALAYSIA

BUKU PANDUAN PENYELIDIKAN PARLIMEN



Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pemerolehan, atau diedar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta, kecuali dalam **kes petikan ringkas** untuk tujuan akademik, ulasan, atau pendidikan.

Segala usaha telah dilakukan untuk memastikan ketepatan maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini. Penulis dan penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan, peninggalan, atau akibat yang timbul daripada penggunaan bahan di sini.

Semua pertanyaan mengenai hak dan kebenaran hendaklah ditujukan kepada penerbit.

Cetakan Pertama (Elektronik): 2026

© **Parlimen Malaysia**

Penyunting

Lavinia Vyveganathan

Penulis

Ahmad Halim Hafidz bin Azmi
Dr. Nur Azyan Shafee binti Mohd Shafee
Siti Mastura binti Oyop

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan,
Parlimen Malaysia,
50680 Kuala Lumpur, Malaysia.
50680 Kuala Lumpur, Malaysia.

penyelidik@parlimen.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan



Cataloguing-in-Publication Data

National Library of Malaysia

A catalogue record for this book is available
from the National Library of Malaysia

eISBN 978-629-98706-7-8

Buku Panduan Penyelidikan Parlimen Malaysia (Edisi 1)

KATA PENGANTAR.....	5
MENGENAI BUKU PANDUAN INI	7
KAEDAH PENGGUNAAN BUKU PANDUAN INI	8
BAB 1: MEMAHAMI PARLIMEN MALAYSIA.....	9
SEKSYEN 2: PENYELIDIKAN PARLIMEN	10
SEKSYEN 3: BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERPUSTAKAAN.....	12
<i>Bahagian 1: Senarai Semak Kemahiran dan Pengetahuan Asas</i>	14
BAB 2: HASIL PENYELIDIKAN PARLIMEN	18
SEKSYEN 1: JENIS-JENIS HASIL KERJA	18
SEKSYEN 2: SISTEM PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN PARLIMEN (E-PRS).....	20
BAB 3: MENILAI SUMBER BAGI PENYELIDIKAN PARLIMEN	22
SEKSYEN 1: PENCARIAN MAKLUMAT.....	22
<i>Bahagian 1: Sumber Dalam Parlimen</i>	22
<i>Bahagian 2: Sumber Kerajaan dan Perundangan Rasmi</i>	23
<i>Bahagian 3: Sumber Luar dan Pakar</i>	24
SEKSYEN 2: MENILAI SUMBER DAN BUKTI.....	27
SEKSYEN 3: ANALISIS DAN TAKLIMAT.....	33
<i>Kerangka Analisis Piawaian untuk Penulisan</i>	33
SEKSYEN 4: MENGENDALIKAN DATA DAN STATISTIK.....	34
<i>Bahagian 1: Mengapakah Data dan Statistik Penting dalam Penyelidikan Parlimen?</i>	34

Bahagian 2: Bagaimana untuk Mengintegrasikan Statistik ke dalam Naratif Anda?

34

BAB 4: ETIKA PENYELIDIKAN DAN PIAWAIAN PROFESIONAL 39

CHAPTER 4: RESEARCH ETHICS & PROFESSIONAL STANDARDS 39

SEKSYEN 1: GARIS PANDUAN PENGGUNAAN AI GENERATIF DALAM PENYELIDIKAN
PARLIMEN..... 39

Bahagian 1 33

Bahagian 2 33

Bahagian 3 34

Bahagian 4 34

Bahagian 5 34

Bahagian 1 35

Bahagian 2 35

Bahagian 3 36

LAMPIRAN A: GLOSARI ISTILAH PARLIMEN MALAYSIA 47

LAMPIRAN B: BACAAN LANJUT DAN SUMBER RUJUKAN 51

▶ 40

▶ 40

▶ 40

▶ 40

▶ 41

▶ 41

Kata Pengantar

Dalam persekitaran perundangan yang kian kompleks, Ahli-ahli Parlimen dituntut untuk menengahkan isu pelbagai aspek merangkumi transformasi ekonomi, pembangunan sosial, kemajuan teknologi, kelestarian alam sekitar dan tadbir urus

negara. Perbahasan parlimen yang bermakna, penelitian yang berkesan, dan penggubalan undang-undang yang mantap secara dasarnya bergantung kepada akses terhadap penyelidikan yang rapi, saksama, dan tepat pada masanya. Sehubungan itu, pengukuhan kapasiti institusi bagi penyelidikan parlimen yang berkualiti tinggi telah menjadi tonggak utama bagi sebuah badan perundangan moden.

Memandangkan jangkaan awam terhadap ketelusan, akauntabiliti, dan penggubalan dasar berasaskan bukti terus meningkat, Parlimen Malaysia harus sentiasa mempertingkatkan kualiti sokongan analisis yang tersedia untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dalam kerangka ini, Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan memainkan peranan utama dalam menyediakan perkhidmatan penyelidikan profesional bagi menyokong fungsi parlimen.

Buku panduan ini dibangunkan untuk membimbing usaha tersebut dengan menetapkan prinsip dan amalan terbaik yang mendasari penyelidikan parlimen, dengan menekankan penyampaian hasil penyelidikan yang berkecuali, ketelitian metodologi, tanggungjawab beretika, dan kejelasan komunikasi. Ia juga mengiktiraf kepentingan literasi data yang semakin meningkat, analisis perbandingan, transformasi digital, serta penggunaan teknologi baharu secara bertanggungjawab dalam amalan penyelidikan kontemporari.

Paling utama, buku panduan ini bukan sekadar bersifat prosedur; ia mempunyai matlamat yang strategik yang mencerminkan aspirasi untuk meletakkan Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan sebagai pusat kekuatan analisis di dalam Parlimen yang menyokong penelitian perundangan yang kukuh, kerja jawatankuasa yang bermaklumat, dan penglibatan yang bermakna dengan orang awam.

Saya berbesar hati atas dedikasi dan profesionalisme Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan dalam penghasilan panduan yang komprehensif ini. Saya yakin bahawa buku panduan ini akan berfungsi sebagai rujukan asas bagi pegawai penyelidik dan juga sebagai pemangkin untuk meningkatkan piawaian penyelidikan parlimen di Malaysia.

Semoga buku panduan ini dapat memberikan sumbangan bermakna ke arah pengukuhan Parlimen sebagai sebuah institusi dan kemajuan tadbir urus demokratik di negara kita.

In an increasingly complex legislative environment, Members of Parliament are called upon to deliberate on multifaceted issues spanning economic transformation, social development, technological advancement, environmental sustainability, and national governance. Meaningful parliamentary debate, effective scrutiny, and sound law-

making depend fundamentally on access to rigorous, impartial, and timely research. In this regard, strengthening the institutional capacity for high-quality parliamentary research has become an essential pillar of a modern legislature.

As public expectations for transparency, accountability, and evidence-based policymaking continue to rise, the Parliament of Malaysia must continually enhance the quality of analytical support available to Members of the Dewan Rakyat and Dewan Negara. Within this framework, the Research and Library Division plays a central role in providing professional research services to support parliamentary functions. This handbook has been developed to guide that work by setting out the principles and best practices that underpin parliamentary research, emphasising neutrality, methodological rigour, ethical responsibility, and clarity of communication. It also acknowledges the growing importance of data literacy, comparative analysis, digital transformation, and the responsible use of emerging technologies in contemporary research practice.

Most importantly, this handbook is not merely procedural in nature; it is strategic in intent. It reflects our aspiration to position the Research and Library Division as a centre of analytical strength within Parliament which is capable of supporting robust legislative scrutiny, informed committee work, and meaningful engagement with the public.

I commend the Research and Library Division for its dedication and professionalism in producing this comprehensive guide. I am confident that this handbook will serve as a foundational reference for research officers and also as a catalyst for raising the standard of parliamentary research in Malaysia.

May this handbook contribute meaningfully to the strengthening of Parliament as an institution and to the advancement of democratic governance in our nation.

Dato' Dr. Ahmad Husaini bin Abdul Rahman
Ketua Pentadbir

Mengenai Buku Panduan ini

Buku panduan ini berfungsi sebagai rujukan utama bagi pegawai penyelidik di Parlimen Malaysia, khususnya bagi mereka di Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan. Ia bertujuan untuk menggariskan amalan terbaik dalam penyelidikan parlimen yang disesuaikan dengan konteks perundangan Malaysia. Walaupun ia berpandukan garis panduan sedia ada seperti garis panduan perkhidmatan penyelidikan IPU dan *Parliamentary Research Handbook Parlimen United Kingdom*, dokumen ini merupakan manual khusus dan komprehensif yang direka khas untuk menyokong tugas penyelidik yang berkhidmat kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Buku panduan ini berasaskan pemahaman bahawa penyelidikan yang teguh, saksama, dan tepat pada masanya adalah asas kepada keberkesanan fungsi badan perundangan moden. Ia bertujuan untuk memperkasakan pegawai penyelidik dengan kemahiran, pengetahuan, dan kerangka kerja yang diperlukan bagi menyediakan sokongan berkualiti tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen dalam menjalankan tugas perundangan, penelitian, dan perwakilan mereka.

This handbook serves as the primary reference for research officers in the Parliament of Malaysia, with particular relevance to those in the Research and Library Division. This handbook aims to outline best practices in parliamentary research that are adapted to Malaysia's legislative context. While informed by established guides such as the IPU's research services guidelines and the UK Parliament's Parliamentary Research Handbook. This document is a bespoke and comprehensive manual designed specifically to support the work of researchers serving the Members of the Dewan Rakyat and the Dewan Negara.

This handbook is premised on the understanding that robust, impartial, and timely research is fundamental to the effective functioning of a modern legislature. It is intended to empower research officials with the skills, knowledge, and frameworks necessary to provide high-quality support to Members of Parliament in their legislative, scrutiny, and representative duties.

Kaedah Penggunaan Buku Panduan Ini

Buku panduan ini diwujudkan untuk kegunaan praktikal oleh pegawai parlimen yang terlibat dalam penyediaan dan penyampaian sokongan penyelidikan. Ia disusun mengikut bab yang berdiri sendiri namun saling berkaitan, di mana setiap bab menangani peringkat utama dalam proses penyelidikan parlimen.

Pengguna boleh merujuk kepada bab-bab tertentu untuk memperkukuh kemahiran khusus, menggunakan Buku Panduan ini sebagai rujukan piawaian profesional, atau menjadikannya sumber asas bagi latihan dan pembangunan kakitangan.

Buku Panduan ini juga berfungsi sebagai tanda aras bersama bagi memastikan hasil penyelidikan memenuhi jangkaan Ahli-ahli Parlimen dari segi ketepatan, keneutralan, dan ketersesuaian. Setiap bab menyediakan panduan praktikal, termasuk teknik, senarai semak, dan contoh kontekstual yang disesuaikan dengan Parlimen Malaysia bagi menyokong amalan penyelidikan yang konsisten dan berkesan.

This handbook is designed for practical use by parliamentary officials involved in the preparation and delivery of research support. It is organised into standalone yet interconnected chapters, each addressing a key stage of the parliamentary research process.

Users may refer to specific chapters to strengthen particular skills, apply the Handbook as a reference for professional standards, or use it as a foundational resource for staff training and development.

The Handbook also serves as a common benchmark to ensure that research outputs meet the expectations of Members of Parliament in terms of accuracy, impartiality, and relevance. Each chapter provides practical guidance, including techniques, checklists, and contextual examples tailored to the Parliament of Malaysia, to support consistent and effective research practices.


Bab 1: Memahami Parlimen Malaysia

Seksyen 1: Struktur Parlimen Malaysia

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan raja berperlembagaan, yang mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Utama Negara. Perlembagaan Persekutuan menyediakan kerangka bagi sistem ini, yang berpandukan tradisi Westminster dan menerapkan prinsip pengasingan kuasa antara cabang perundangan, eksekutif, dan kehakiman.

Parlimen Malaysia merupakan pihak berkuasa perundangan tertinggi dan terdiri daripada tiga komponen utama:

Struktur Parlimen Malaysia




Rajah 1: Struktur Parlimen Malaysia

Fungsi teras Parlimen adalah untuk menggubal, meminda, dan memansuhkan undang-undang persekutuan; meneliti dasar dan tindakan kerajaan; serta meluluskan bajet persekutuan dan langkah-langkah percukaian.

Seksyen 2: Penyelidikan Parlimen

Penyelidikan bagi menyokong fungsi parlimen melibatkan penghasilan analisis berasaskan bukti bagi membolehkan Parlimen menggubal undang-undang, meneliti badan Eksekutif, dan mewakili orang awam dengan berkesan. Dilaksanakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan, tugas ini menyokong Ahli-ahli Parlimen daripada kedua-dua Dewan merangkumi perbahasan, pertanyaan, dan penelitian bajet melalui sintesis data, penandaarasan amalan antarabangsa, penilaian pilihan dasar, serta menterjemah isu-isu kompleks kepada analisis yang jelas dan mudah difahami bagi menyokong pembuatan keputusan yang bermaklumat dan bertanggungjawab.

Elemen Utama Penyelidikan Parlimen




Tanpa mengira format dan subjek, setiap hasil kerja harus menunjukkan elemen-elemen berikut dalam konteks Parlimen Malaysia:

Cabaran berterusan bagi penyelidik parlimen adalah untuk mengimbangi kriteria-kriteria ini. Sebagai contoh, keperluan untuk bersikap saksama dengan menyertakan semua sudut pandangan kadangkala boleh bercanggah dengan keperluan untuk

menghasilkan kesimpulan yang jelas dan berwibawa. Keperluan untuk aspek kebolehcapaian pula mungkin memerlukan peringkasan yang berisiko menjejaskan ketepatan teknikal. Mengimbangi ketegangan ini melalui pertimbangan profesional merupakan kemahiran teras bagi seseorang penyelidik parlimen.

Seksyen 3: Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan



Carta organisasi Parlimen Malaysia ini memaparkan struktur pentadbiran dua sayap, dengan Dewan Negara (Senat) di sebelah kiri dan Dewan Rakyat (Majlis Perwakilan) di sebelah kanan, yang mana masing-masing dipimpin oleh Yang di-Pertua dan dibantu oleh Timbalan Yang di-Pertua. Kedua-dua sayap ini beroperasi secara selari di bawah penyelarasan menyeluruh Ketua Pentadbir Parlimen, yang berada di pusat struktur tadbir urus dan menyelia fungsi pentadbiran teras Parlimen.

Dalam kerangka ini, Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan diletakkan sebagai bahagian strategik utama yang menyokong tugas parlimen dengan menyediakan input penyelidikan, analisis, dan bahan rujukan berwibawa bagi keperluan institusi, termasuk Ahli-ahli Parlimen, jawatankuasa, dan pentadbiran parlimen. Kedudukannya dalam carta mencerminkan peranan bahagian tersebut sebagai tulang belakang sokongan ilmu, yang membantu menghubungkan tuntutan urusan perundangan di kedua-dua Dewan dengan maklumat yang tepat, tersusun, dan berasaskan bukti.

Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan merupakan sebahagian daripada struktur pentadbiran Parlimen Malaysia. Berikut adalah fungsi-fungsi teras Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan di Parlimen Malaysia.

Sektor	Bidang Penyelidikan
Ekonomi	Kewangan, Ekonomi, Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Perladangan dan Komoditi, serta badan berkanun dan pengawal selia yang relevan (contohnya, BNM, DOSM).
Sains dan Tenaga	Sains, Teknologi dan Inovasi, Digital, Komunikasi, Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Pengangkutan serta Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar.
Keselamatan	Parlimen, Undang-undang, Tadbir Urus, Pertahanan, Dalam Negeri, Hal Ehwal Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara & Jabatan Peguam Negara.
Sosial	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Belia dan Sukan, Kesihatan, Pendidikan, Pendidikan Tinggi, Perpaduan Negara serta Pelancongan, Seni dan Budaya.

Bahagian 1: Senarai Semak Kemahiran dan Pengetahuan Asas

Seksyen ini menetapkan kemahiran dan pengetahuan asas yang diperlukan untuk menyelidiki parlimen yang berkesan. Walaupun buku panduan ini menyediakan panduan mengenai tugas-tugas teras penyelidikan, penyelidik boleh melaksanakan tugas berdasarkan tahap pengalaman dan kepakaran yang berbeza-beza.

Senarai semak di bawah bertujuan untuk membantu penyelidik mengenal pasti jurang dalam pemahaman mereka terhadap sistem parlimen dan kerajaan, serta kemahiran penyelidikan dan teknikal yang penting. Jurang yang dikenal pasti boleh ditangani melalui bimbingan (*mentoring*), pembelajaran rakan sebaya, pembacaan terarah, pemerhatian kerja (*job shadowing*), atau latihan formal, mengikut kesesuaian.

PENGETAHUAN LEGISLATIF	
(Tandakan)	Kriteria
	Memahami Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
	Memahami proses perundangan: daripada penggubalan rang undang-undang pra-parlimen sehingga perkenan diraja
	Memahami struktur, peranan, dan fungsi Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
	Memahami Peraturan-peraturan Majlis bagi kedua-dua Dewan.
	Memahami urusan parlimen, termasuk perbahasan, Waktu Pertanyaan, usul, dan petisyen.
	Memahami peranan dan fungsi jawatankuasa parlimen, termasuk Jawatankuasa Pilihan (contohnya, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)).
	Kesedaran mengenai penjadualan parlimen, termasuk cara menjejaki kalendar parlimen dan urusan parlimen semasa.

PENGETAHUAN EKSEKUTIF	
(Tandakan)	Kriteria
	Memahami struktur Kerajaan Persekutuan, termasuk peranan Perdana Menteri, Kabinet, Kementerian, dan agensi-agensi.
	Memahami pengasingan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.
	Sentiasa membiasakan diri dengan dasar-dasar utama negara dan kerangka kerja kerajaan (contohnya, bajet negara, rancangan ekonomi jangka panjang).

PENGETAHUAN MENGENAI SUBJEK	
(Tandakan)	Kriteria
	Memperoleh pengetahuan kerja dalam bidang subjek baharu secara cekap.
	Mengaplikasikan kaedah untuk memastikan pengetahuan subjek sentiasa dikemas kini.
	Kebolehan untuk menggunakan sumber dalam talian utama dan bahan salinan cetak (<i>hard-copy</i>) yang tersedia.

KEMAHIRAN DIGITAL DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	
(Tandakan)	Kriteria
	Mahir menggunakan perisian Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint, dan lain-lain).
	Kebolehan untuk menggunakan pangkalan data dalam talian.
	Menggunakan alat kecerdasan buatan (AI) secara beretika mengikut peraturan institusi.

KEMAHIRAN PENYELIDIKAN AM	
(Tandakan)	Kriteria
	Menjelaskan permohonan penyelidikan, termasuk mengesahkan skop dan tarikh akhir tugas.
	Menentukan skop taklimat dengan mengenal pasti soalan-soalan utama kajian .
	Mencari, menilai, dan mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber.
	Mengenal pasti maklumat utama secara cekap dalam dokumen yang panjang.
	Berinteraksi dengan pihak berkepentingan luaran, seperti pegawai kerajaan, ahli akademik, dan organisasi masyarakat sivil, mengikut kesesuaian.
	Kebolehan menulis hasil penyelidikan secara jelas dan ringkas.
	Menyunting dan menyemak pruf (<i>proofreading</i>) hasil penulisan bagi memastikan ketepatan dan kejelasan.

Bab 2: Hasil Penyelidikan Parlimen

Objektif utama penyelidikan parlimen adalah untuk menyediakan maklumat yang tepat, boleh dipercayai, dan relevan kepada Ahli-ahli Parlimen bagi menyokong tugas parlimen mereka.

Penyelidik harus menilai sifat setiap permohonan (sama ada berbentuk fakta, statistik, perbandingan, atau analitikal) dan memilih sumber, struktur, serta metodologi yang bersesuaian bagi memastikan hasil kerja tersebut menepati tujuan yang ditetapkan.

Seksyen 1: Contoh Hasil Kerja

HASIL	DESKRIPSI TUGAS
1. Permohonan Ahli Parlimen	Menjawab permohonan daripada Ahli-ahli Parlimen berkenaan maklumat fakta, data, analisis latar belakang, atau rujukan perbandingan bagi menyokong perbahasan parlimen, tugas jawatankuasa, dan pertimbangan dasar.
2. Nota RUU	Tugas teras penyelidikan parlimen yang menyediakan penjelasan yang jelas dan tersusun mengenai kandungan sesuatu rang undang-undang kepada Ahli-ahli Parlimen.
3. Isu Khusus	Hasil kerja analitikal yang disediakan untuk memberi pemahaman yang ringkas dan berasaskan bukti kepada Ahli-ahli Parlimen mengenai isu dasar, perundangan, atau tadbir urus yang spesifik.
4. Nota Ikhtisar dan Percakapan	Hasil penyelidikan yang disediakan untuk menyokong Ahli-ahli Parlimen (MP) semasa mewakili Malaysia dalam persidangan, mesyuarat antara parlimen, dan penglibatan rasmi yang lain. Poin perbincangan (Talking points) adalah nota ucapan yang ringkas dan sedia diguna yang dipetik daripada nota taklimat tersebut.
5. Resolusi untuk persidangan	Tugas penyelidikan khusus yang menyokong penyertaan Malaysia dalam forum parlimen serantau dan antarabangsa. A specialised research task that supports Malaysia's participation in regional and international parliamentary forums
6. Penulisan Teks Ucapan	Tugas yang dijalankan untuk membantu Ahli-ahli Parlimen dan pemegang jawatan parlimen dalam menyampaikan ucapan. A task undertaken to assist Members of Parliament and parliamentary office holders in delivering a speech.

HASIL	DESKRIPSI TUGAS
7. Infografik	<p>Hasil penyelidikan visual yang disediakan untuk membentangkan maklumat utama, data, atau penemuan dalam format yang jelas dan mudah difahami.</p> <p>A visual research output is prepared to present key information, data, or findings in a clear and accessible format.</p>
8. Permohonan Dalam untuk Maklumat dan Analisis	<p>Tugasan penyelidikan yang dijalankan untuk menyokong tugas badan-badan parlimen seperti jawatankuasa pilihan, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), dan jabatan-jabatan parlimen yang lain.</p> <p>Research tasks undertaken to support the work of parliamentary bodies such as select committees, the Public Accounts Committee (PAC), and other parliamentary departments.</p>

Seksyen 2: Sistem Perkhidmatan Penyelidikan Parlimen (e-PRS)

Sistem e-Perkhidmatan Penyelidikan Parlimen Malaysia (e-PRS)

e-PRS adalah sistem untuk mengurus dan menyampaikan maklumat penyelidikan kepada Ahli Parlimen. Sistem ini bertindak sebagai medium utama penyampaian maklumat kepada Ahli Parlimen bagi membantu tugas mereka sebagai Ahli Parlimen dengan lebih berkesan dan efisien

PARLIMEN MALAYSIA

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERPUSTAKAAN

Nama Pengguna

Kata Laluan

Laman Utama

Notis Makluman:

Sebarang masalah berkaitan Daftar Masuk, sila hubungi pentadbir sistem di e-mel admin.eprs@parlimen.my

Pautan untuk akses: <https://e-prs.parlimen.gov.my/eprs/login>

Sistem Perkhidmatan Penyelidikan Parlimen (e-PRS) merupakan platform yang direka untuk mengurus dan menyampaikan maklumat penyelidikan kepada Ahli-ahli Parlimen. Ia berfungsi sebagai saluran utama bagi penyampaian hasil penyelidikan untuk menyokong Ahli-ahli Parlimen dalam melaksanakan tugas parlimen mereka secara berkesan dan cekap.

Sistem e-PRS membolehkan pengurusan, pendokumentasian, dan penyebaran bahan penyelidikan parlimen secara sistematik. Ia juga memperkukuh penyampaian perkhidmatan penyelidikan dengan membenarkan pengguna yang diberi kuasa untuk mengakses maklumat secara jarak jauh, tanpa mengira lokasi.

Sistem ini menyediakan perkhidmatan kepada:

- Senator (Dewan Negara),
- Ahli Dewan Rakyat,
- Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Protokol, Parlimen Malaysia.

Melalui e-PRS, pendokumentasian penyelidikan parlimen diperkemas dan dijadikan lebih mudah dicapai, sekali gus menyokong bantuan penyelidikan yang tepat pada masanya dan terlaras di seluruh Parlimen.

Maklumat yang disediakan adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Majlis Dewan Negara dan Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, serta mana-mana undang-undang dan peraturan lain yang terpakai.

Bab 3: Menilai Sumber bagi Penyelidikan Parlimen

Penyelidikan parlimen bergantung kepada keupayaan untuk mencari, menilai, dan mensintesis maklumat yang boleh dipercayai dalam tempoh masa yang terhad. Tugas penyelidik bukanlah untuk menghasilkan data primer, sebaliknya untuk mengenal pasti dan menganalisis bukti terbaik yang tersedia bagi menyokong Ahli-ahli Parlimen dalam urusan perundangan, penyemakan (scrutiny), dan perwakilan. Bab ini menggariskan sumber maklumat utama serta pendekatan praktikal untuk menilai bukti dalam konteks Parlimen Malaysia.

Seksyen 1: Pencarian Maklumat

Bahagian 1: Sumber Dalaman Parlimen

Penyelidik harus bermula dengan **sumber dalaman parlimen**, yang menyediakan memori institusi dan kesinambungan prosedur.

Rujukan	Sumber-sumber
Perpustakaan Parlimen	Hansard (Penyata Rasmi), Rang Undang-Undang, Aturan Urusan Mesyuarat, Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat, Laporan Jawatankuasa, Statut dan Kertas Titah. Hansards (Penyata Rasmi), Bills, Order Papers, Votes and Proceedings, Committee Reports, Statute and Command Papers.
Legislatif Malaysia	Akta Persekutuan, Enakmen Negeri, perundangan subsidiari (P.U.(A), P.U.(B)), dan Warta Kerajaan. Federal Acts, State Enactments, subsidiary legislation (P.U.(A), P.U.(B)), and Government Gazettes.
Pangkalan Data Perpustakaan	Pangkalan data undang-undang seperti LawNet, Malayan Law Journal (MLJ), Current Law Journal (CLJ), All Malaysia Report (AMR), dan lain-lain. Legal databases such as LawNet, Malaysia Law Journal (MLJ), Current Law Journal (CLJ), All Malaysia Report (AMR), etc.
Rakan Sejawat dan Penyelidikan Terdahulu	Taklimat dan hasil kerja terdahulu, rekod dalaman, serta rundingan dalam Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan.

Rujukan	Sumber-sumber
	Previous briefings and outputs, internal records, and consultations within the Research and Library Division.

Bahagian 2: Sumber Kerajaan dan Perundangan Rasmi

Bagi mendapatkan maklumat yang berautoriti mengenai dasar kerajaan dan undang-undang, penyelidik harus merujuk kepada sumber-sumber rasmi.

- ▶ **Portal Jabatan Peguam Negara (AGC):** Jabatan Peguam Negara bertanggungjawab untuk menggubal perundangan dan menyediakan akses awam kepada teks undang-undang rasmi. Portal e-Federal Legislation merupakan sumber utama untuk memuat turun Akta Persekutuan semasa dan perundangan subsidiari.
- ▶ **Laman Web Kementerian dan Agensi:** Setiap kementerian persekutuan dan agensi kerajaan menyelenggarakan laman web yang merupakan sumber penting bagi dokumen dasar, laporan tahunan, pelan strategik, statistik rasmi, dan kenyataan akhbar yang menjelaskan pendirian kerajaan mengenai pelbagai isu.
- ▶ **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Bank Negara Malaysia (BNM):** Bagi statistik rasmi ekonomi dan sosial, laman web DOSM dan bank pusat, BNM, adalah sumber yang paling berautoriti.

Bahagian 3: Sumber Luar dan Pakar

Bagi memastikan analisis yang seimbang dan komprehensif, penyelidik harus melihat melangkaui sumber rasmi untuk mengumpul pelbagai perspektif dan bukti.

- ▶ **Badan Pemikir Malaysia dan Akademia**
 - Badan pemikir bebas menyediakan sumber analisis dasar bukan kerajaan dan penyelidikan secara bebas yang amat penting. Organisasi utama di Malaysia termasuk:

Badan Pemikir	Deskripsi
Institut Penyelidikan Khazanah (KRI)	Sebuah institut penyelidikan dasar yang mengemukakan analisis berasaskan bukti mengenai cabaran utama ekonomi, sosial, dan struktur Malaysia

Badan Pemikir	Deskripsi
	yang mempengaruhi kehidupan harian rakyat. <i>(Merujuk kepada Khazanah Research Institute - KRI)</i>
Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS)	Menjalankan penyelidikan dasar awam berasaskan bukti bagi merangsang wacana kritikal.
IMAN Research	Kerja penyelidikan berkaitan keselamatan, pembinaan keamanan, dan pembangunan mampan.
Institut Pengajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia	Memberi tumpuan kepada dasar luar, kajian keselamatan, ekonomi, pembinaan negara, dasar sosial, teknologi, inovasi, dan kajian alam sekitar.
Institut Penyelidikan PNB	Mencari penyelesaian kepada cabaran sosial dan ekonomi negara yang kompleks.


- Artikel jurnal, artikel akhbar, dan ringkasan laporan oleh ahli akademik di universiti-universiti Malaysia juga merupakan sumber kepakaran pakar yang berharga.
- ▶ Masyarakat Sivil, Badan Profesional, dan Persatuan Industri
 - Organisasi bukan kerajaan (NGO), seperti Platform CSO untuk Reformasi, menyediakan perspektif kritikal mengenai isu-isu seperti hak asasi manusia dan tadbir urus.
 - Badan profesional, seperti Majlis Peguam Malaysia, menawarkan analisis perundangan yang pakar. Persatuan industri dan perdagangan pula menyediakan pandangan mengenai kesan dasar kerajaan terhadap perniagaan.
 - Menghubungi organisasi ini secara langsung selalunya boleh menghasilkan laporan terperinci, dokumen penyerahan (submissions), dan pendapat pakar.

Jadual berikut memaparkan rujukan yang disatukan bagi sumber-sumber maklumat yang paling kritikal.

Jenis Sumber	Contoh	Kegunaan Utama
Dalaman Parlimen	Perpustakaan Parlimen, Hansard, Rang Undang-Undang, Laporan Jawatankuasa, hasil/taklimat penyelidikan terdahulu, dan penulisan rakan sejawat.	Memori institusi, maklumat prosedur, dan penyelidikan terdahulu (<i>precedent</i>).
Laman Rasmi Kerajaan	Laman web kementerian, portal Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia, dokumen dasar, dan laporan tahunan.	Data yang berautoriti mengenai dasar kerajaan, undang-undang, dan statistik rasmi.
Legal Databases	LawNet, MLJ, CLJ, AMR	Akses kepada perundangan terkini, undang-undang kes (<i>case law</i>), dan ulasan perundangan..
Sumber-sumber statistik	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM).	Data rasmi negara mengenai trend ekonomi, sosial, dan demografi..
Badan Pemikir	KRI, IDEAS, IMAN Research, ISIS, Institut Penyelidikan PNB.	Analisis dasar bebas, perspektif alternatif, dan laporan penyelidikan.
Masyarakat Sivil	Badan Bukan Berkanun (NGO) (cth. Platform CSO untuk Reformasi), badan profesional (cth. Majlis Peguam Malaysia), dan persatuan industri.	Pandangan pihak berkepentingan (<i>stakeholders</i>), pendirian advokasi, analisis pakar, dan penilaian impak.

Seksyen 2: Menilai Sumber dan Bukti

Mencari maklumat sahaja tidak mencukupi. Penyelidik harus menilai kualiti dan kebolehpercayaannya. Kerangka **AORTA** menyediakan panduan praktikal untuk menilai kualiti bagi mana-mana sumber, bukti, atau maklumat.



Kerangka AORTA	Keterangan
Berautoriti	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kenal pasti sumber dan kredibilitinya. <div style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p><i>Siapa yang menghasilkan maklumat ini? (Adakah ia sebuah kementerian kerajaan, pusat penyelidikan universiti, parti politik, kumpulan advokasi, atau blog tanpa nama?)</i></p> </div> ▪ Memahami kelayakan, kepakaran, dan reputasi penulis atau organisasi merupakan langkah pertama dalam menilai kebolehpercayaan sesuatu maklumat. ▪ Laporan rasmi kerajaan dan artikel akademik yang dinilai sejawat (<i>peer-reviewed</i>) secara amnya mempunyai kredibiliti yang lebih tinggi berbanding kenyataan akhbar, artikel surat khabar, atau penulisan pendapat. ▪ Sekiranya boleh, penyelidik harus mendapatkan sumber primer (cth: teks asal undang-undang, laporan penyelidikan penuh) berbanding bergantung kepada tafsiran sekunder (cth: artikel berita mengenai undang-undang tersebut).

Kerangka AORTA	Keterangan
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Understanding the author's or organisation's credentials, expertise, and reputation is the first step in judging the information's reliability. ▪ Official government reports and peer-reviewed academic articles generally carry more weight than press releases, newspaper articles or opinion pieces. ▪ Wherever possible, researchers should seek out primary sources (e.g., the original text of a law, a full research report) rather than relying on secondary interpretations (e.g., a news article about the law).
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sangat penting untuk menyedari potensi berat sebelah (<i>bias</i>) dan kepentingan tertentu yang sedia ada dalam mana-mana sumber. Walaupun laporan daripada badan industri berguna untuk memahami perspektif perniagaan, ia berkemungkinan besar bukan satu penilaian neutral terhadap impak alam sekitar bagi sesuatu peraturan. ▪ Menjadi tanggungjawab penyelidik untuk memahami kecenderungan ideologi badan pemikir ini. Sumber yang mempertahankan sudut pandangan tertentu tetap berharga, tetapi ia mesti dinyatakan sedemikian dan diimbangi dengan perspektif alternatif untuk mengekalkan kesaksamaan. <div style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; margin-top: 20px; text-align: center;"> <p><i>Apakah tujuan maklumat ini? (Adakah ia bertujuan untuk memaklumkan, memujuk, atau menyokong pendirian tertentu?)</i></p> </div>

Kerangka AORTA	Keterangan
Relevan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sesuatu sumber mungkin menarik dan berautoriti, tetapi akhirnya tidak berguna untuk keperluan khusus Ahli Parlimen. ▪ Sumber yang bersifat sangat akademik, sebagai contoh, mungkin perlu diringkaskan dan diterjemahkan ke dalam bahasa yang mudah difahami agar berguna bagi Ahli Parlimen yang sibuk. <div style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p><i>Adakah maklumat ini relevan secara langsung dengan soalan yang sedang dikaji?</i></p> <p><i>Adakah bukti tersebut berkaitan dengan bidang kuasa yang betul (persekutuan vs negeri di Malaysia)? Adakah ia berada pada tahap perincian yang sesuai?</i></p> </div>

Kerangka AORTA	Keterangan
Tepat pada Waktu	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perundangan, dasar kerajaan, dan statistik boleh berubah dengan pantas. Adalah penting untuk menyemak tarikh penerbitan mana-mana sumber. Laman web tanpa tarikh mendatangkan risiko tertentu. ▪ Kepentingan memiliki maklumat terkini bergantung kepada pertanyaan, tetapi bagi kebanyakan tugas parlimen, maklumat semasa dan paling dikemas kini adalah kritikal. <div style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p><i>Bilakah maklumat ini dihasilkan? Adakah terdapat peristiwa baharu yang menjadikannya tidak lagi terpakai?</i></p> </div>
Ketepatan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyemak silang fakta dan angka dengan sumber bebas yang lain adalah langkah penting dalam proses penyelidikan. <div style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p><i>Adakah maklumat ini boleh disahkan?</i></p> </div> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Artikel surat khabar dan ulasan dalam talian boleh menjadi berharga untuk mengukur pendapat umum, tetapi ia juga mungkin mengandungi ketidaktepatan atau tidak lengkap. ▪ Jika penyelidik terpaksa menggunakan sumber yang lemah dalam salah satu aspek ini (contohnya: laporan lama kerana tiada data baharu, atau sumber yang jelas berat sebelah kerana ia mewakili pandangan pihak berkepentingan utama), kelemahan ini harus dinyatakan secara eksplisit dalam taklimat. Ketelusan ini membolehkan Ahli Parlimen menilai


Kerangka AORTA	Keterangan
	sendiri sejauh mana nilai yang perlu diletakkan pada bukti tersebut.

Seksyen 3: Analisis dan Taklimat

Setelah maklumat dikumpul dan dinilai, langkah kritikal seterusnya ialah analisis. Sekadar membentangkan koleksi fakta selalunya tidak mencukupi. Ahli Parlimen memerlukan bantuan untuk memahami implikasi daripada maklumat tersebut. Analisis melibatkan penyusunan bukti untuk menjelaskan sesuatu masalah, menilai pendekatan kerajaan, dan meneroka alternatif yang berpotensi. Proses ini membantu Ahli Parlimen beralih daripada sekadar maklumat kepada cerapan (*insight*), yang membolehkan mereka melaksanakan peranan semakan dan perundangan dengan lebih berkesan.

Kerangka Analisis Piawaian untuk Penulisan

Analisis dasar yang mantap untuk taklimat parlimen biasanya melibatkan usaha menangani siri soalan utama berikut:



Seksyen 4: Mengendalikan Data dan Statistik

Seksyen ini memfokuskan kepada strategi praktikal untuk menterjemah data dan statistik kepada maklumat yang jelas, bermakna, dan mudah dicapai oleh khalayak bukan pakar. Ia menekankan kepentingan penulisan yang berstruktur dan ringkas, termasuk penggunaan ayat yang pendek, tajuk yang jelas, serta penghapusan jargon yang tidak perlu bagi meningkatkan tahap keterbacaan (readability).

Bahagian 1: Mengapakah Data dan Statistik Penting dalam Penyelidikan Parlimen?

Data dan statistik memperkukuh penyelidikan parlimen dengan menukarkan isu-isu awam kepada bukti yang boleh diukur. Walau bagaimanapun, angka tidak "berbicara dengan sendirinya". Jika dipersembahkan dengan lemah, statistik boleh mengelirukan pembaca, memesongkan tafsiran, dan melemahkan kepercayaan terhadap kredibiliti penyelidikan tersebut.

Bahagian 2: Bagaimana untuk Mengintegrasikan Statistik ke dalam Naratif Anda?

Jangan mengasingkan statistik sebagai maklumat tambahan di akhir penulisan

Angka seharusnya diletakkan di dalam hujah utama penulisan anda, **BUKAN** disembunyikan dalam nota kaki atau ditolak ke bahagian lampiran.

Positif	Negatif
<ul style="list-style-type: none">Jelaskan mesej utama data terlebih dahulu.	<ul style="list-style-type: none">Mulakan perenggan dengan angka melainkan jika ia benar-benar penting.
<ul style="list-style-type: none">Gunakan ayat yang pendek dan bahasa yang jelas.	<ul style="list-style-type: none">Masukkan angka atau statistik tanpa menjelaskan maknanya.
<ul style="list-style-type: none">Jika sesuai, nyatakan nisbah dengan jelas (cth., "1 dalam 10" berbanding "10%").Where suitable, express ratios clearly (e.g., "1 in 10" rather than "10%")	<ul style="list-style-type: none">Menganggap pembaca sudah tahu apa yang diwakili oleh angka tersebut.Assume the reader knows what the number represents.

Penyampaian Ketidakpastian Secara Jelas Communicate the Uncertainty Clearly

Kesilapan lazim dalam penulisan dasar adalah dengan menganggap anggaran statistik sebagai fakta tetap. Hakikatnya, banyak angka yang digunakan dalam penyelidikan parlimen diperoleh daripada **tinjauan, ramalan, maklumat yang tidak lengkap, pertimbangan pakar, atau set data sementara.**

Amalan Baik

- Nyatakan sekiranya sesuatu angka itu merupakan sebuah anggaran.
- Gunakan huraian yang mudah difahami apabila data adalah lemah atau mempunyai tahap ketidakpastian yang tinggi – dianggarkan, diunjurkan, indikatif, sementara, tertakluk kepada semakan semula.

Nyatakan Julat, Bukan Angka Tunggal

Pengiraan kos dasar dan unjuran selalunya menghasilkan satu **julat**, bukannya satu angka tunggal yang "tepat". Hasil penyelidikan yang profesional seharusnya melaporkan julat tersebut secara terbuka.

Contoh: *"Kos dasar tersebut telah dianggarkan antara £50 juta hingga £100 juta."*

Carta dan Jadual: Ia Mestilah Jelas dan Tepat

Carta dan jadual seharusnya membantu pembaca memahami hujah dengan cepat. Walau bagaimanapun, reka bentuk visual yang lemah boleh mengelirukan pembaca dan menjejaskan kredibiliti.

Amalan Baik

- Gunakan carta dan jadual untuk memperkukuh perkara utama, bukan untuk lambakan data mentah.
- Pastikan visual mengikut **gaya rasmi organisasi** (*house style*) (templat, fon, warna, dan peraturan format).

- Elakkan menyalin atau mengambil tangkapan skrin (*screenshot*) carta secara terus daripada sumber lain melainkan jika tidak dapat dielakkan. Seboleh mungkin, hasilkan semula visual mengikut gaya organisasi anda dan berikan petikan rujukan yang betul.

Sentiasa Sediakan Konteks (Sejarah, Antarabangsa, Geografi)

Angka hanya bermakna apabila diletakkan dalam konteks. Hasil penyelidikan seharusnya membantu pembaca menjawab bukan sahaja soalan "**Apakah angka tersebut?**", malah juga "**Jadi, apa kepentingannya?**"

Konteks Bahan:

- Perbandingan Sejarah (cth., perubahan mengikut peredaran masa).
- Penanda Aras Antarabangsa (cth., perbandingan dengan negara-negara yang setara).
- Perbandingan Geografi (cth., angka peringkat negeri berbanding peringkat kebangsaan).
- Tafsiran Trend (cth., "penurunan yang berterusan selama 10 tahun").

Waspada Kekeliruan Unit: Juta berbanding Bilion

Ramai pembaca sukar untuk mentafsir angka yang sangat besar, malah golongan profesional juga boleh terkeliru dengan skala angka tersebut. Jangan menganggap bahawa istilah "juta" dan "bilion" dapat difahami secara intuitif.

Amalan Baik Good Practice

- Jangan sekali-kali mencampuradukkan angka juta dan bilion tanpa menyatakan unitnya secara eksplisit.
- Gunakan perbandingan yang mudah dikaitkan sekiranya ia membantu pemahaman.

Bab 4: Etika Penyelidikan dan Piawaian Profesional

Chapter 4: Research Ethics & Professional Standards

Seksyen 1: Garis Panduan Penggunaan AI Generatif dalam Penyelidikan Parlimen

Bahagian 1 Tujuan dan Skop

- i. Alat Kecerdasan Buatan (AI) Generatif boleh digunakan oleh pegawai Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan untuk menyokong penulisan, tetapi bukan untuk menggantikan, tugas profesional penyelidikan parlimen.
- ii. Garis panduan ini mentadbir penggunaan alat AI generatif pihak ketiga yang tersedia secara awam (cth., alat bantuan teks, imej, atau data) dalam penyediaan hasil penyelidikan parlimen.
- iii. Garis panduan ini tidak terpakai kepada sistem yang dibangunkan secara dalaman atau alatan yang telah diluluskan secara rasmi oleh Parlimen.
- iv. Pada setiap masa, tanggungjawab terhadap ketepatan, integriti, dan kesesuaian hasil penyelidikan tetap terletak di tangan Pegawai Penyelidik.

Bahagian 2 Kerahsiaan dan Tiada Pendedaham Non-Disclosure and Confidentiality

- i. Pegawai Penyelidik **DILARANG MEMUAT NAIK** ke dalam mana-mana alat AI generatif:
 - Dokumen parlimen yang bukan untuk paparan awam.
 - Bahan-bahan jawatankuasa sulit (**dokumen SULIT PM85**).
 - Sebarang maklumat yang diperolehi semasa menjalankan tugas rasmi yang belum didedahkan kepada awam atau yang sedang di bawah sekatan (embargo).
- ii. Kewajipan ini mencerminkan kerahsiaan parlimen, keperluan rahsia rasmi, dan tanggungjawab profesional untuk melindungi maklumat institusi.

- iii. Selaras dengan keperluan tadbir urus data dan keselamatan maklumat, kakitangan dikehendaki menggunakan hanya alatan AI yang telah disahkan oleh kerajaan, yang telah dilanggan serta diluluskan oleh institusi.

Bahagian 3 Perlindungan Data Peribadi Protection of Personal Data

- i. Alat AI Generatif tidak boleh digunakan untuk memproses data peribadi, termasuk nama, pengecam, bahan temu bual atau maklumat biografi, tidak kira sama ada data tersebut tersedia secara umum di tempat lain.
- ii. Sebarang pendedahan data peribadi melalui alat AI luaran berisiko menyebabkan hilangnya kawalan terhadap penggunaan data dan boleh mendedahkan Parlimen kepada implikasi undang-undang serta kesan reputasi.

Bahagian 4 Tanggungjawab Pegawai dan Semakan Human Responsibility and Review

- i. Hasil yang dijana dengan bantuan AI **TIDAK BOLEH DIJADIKAN SANDARAN** sebagai produk penyelidikan parlimen yang berdiri sendiri.
- ii. Semua kandungan berbantu AI mestilah melalui:
 - **Semakan substantif oleh pegawai penyelidik.**
 - **Semakan fakta berbanding sumber yang boleh dipercayai.**
 - **Penilaian terhadap bias (kecenderungan), ketidaktepatan, atau maklumat rekaan.**
- iii. Pegawai Penyelidik **KEKAL BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA** ke atas semua kandungan yang diterbitkan di bawah nama Parlimen.

Bahagian 5 Ketepatan, Bias, dan Halusinasi Accuracy, Bias and Hallucinations

- i. Alat AI generatif mungkin menghasilkan:
 - **Maklumat yang tidak tepat atau lapuk.**
 - **Rujukan atau peruntukan undang-undang yang direka-reka.**
 - **Rangka kandungan yang berat sebelah atau mengelirukan.**

- ii. Bahan yang dijana oleh AI mestilah dianggap sebagai sokongan draf yang belum disahkan, bukannya sebagai sumber yang berautoriti.
- iii. Kebergantungan kepada hasil AI tanpa pengesahan adalah tidak selaras dengan piawaian penyelidikan parlimen.

Scenario 1: Penyalahgunaan AI Improper Use of AI

Seorang pegawai penyelidik menggunakan alat AI genaratif untuk menjana nota penjelasan dasar. Output disalin secara verbatim dan dimasukkan ke dalam nota penyelidikan parlimen tanpa mengesahkan sumber atau menyemak ketepatan fakta. Beberapa rujukan yang dipetik oleh AI tidak dapat dikesan, dan satu peruntukan perundangan yang disebutkan tidak wujud. Hasil output tersebut kemudiannya diedarkan sebagai produk penyelidikan yang akan mendedahkan Parlimen kepada kesilapan fakta dan risiko reputasi yang negatif.

Scenario 2: Penggunaan AI secara Beretika Ethical Use of AI

Seorang pegawai penyelidik menggunakan perisian AI untuk membantu dalam penyediaan rangka kerja dan pemurnian bahasa berdasarkan maklumat yang tersedia secara awam. Semua fakta disahkan secara bebas dengan merujuk kepada sumber-sumber yang berautoriti, dan kandungan tersebut ditulis semula menggunakan analisis serta pertimbangan pegawai itu sendiri. Hasil akhir mencerminkan rujukan sumber yang tepat, konteks institusi, dan akauntabiliti profesional, dengan AI digunakan secara mutlak sebagai alat bantuan dan bukannya pengganti kepada tanggungjawab penyelidikan.

Bahagian 1 Harta Intelek dan Hak Cipta Intellectual Property and Copyright

Pegawai Penyelidik mestilah memastikan bahawa kandungan yang dihasilkan oleh AI tidak melanggar hak cipta pihak ketiga. Sekiranya keaslian atau kesahan undang-undang bahan yang dihasilkan oleh AI tidak dapat disahkan secara munasabah, kandungan tersebut tidak boleh digunakan dalam sebarang hasil penyelidikan parlimen.

Bahagian 2 Kebolehpercayaan Operasi dan Kesenambungan Perkhidmatan Operational Reliability and Business Continuity

- i. Alat AI generatif yang tersedia secara awam:
 - Tiada jaminan yang ditawarkan melalui maklumat yang tersedia.

- Mungkin mengalami gangguan perkhidmatan.
 - Mungkin mengubah fungsi tanpa notis.
- ii. Pegawai Penyelidik dilarang bergantung secara eksklusif kepada alatan tersebut bagi kerja-kerja parlimen yang kritikal dari segi masa atau misi (mission-critical). Penggunaan AI tidak sekali-kali boleh menjejaskan garis masa penyampaian atau kualiti penyelidikan.

Bahagian 3 Kedudukan Institusi Institutional Position

- i. Parlimen Malaysia mengiktiraf potensi AI generatif sebagai alat sokongan produktiviti. Walau bagaimanapun, penggunaannya mestilah kekal **terkawal, telus, dan tertakluk kepada kepakaran manusia.**
- ii. Penyelidikan parlimen adalah fungsi institusi yang berteraskan kepercayaan, berkecuali, dan akauntabiliti.
- iii. AI generatif boleh membantu proses penyelidikan, namun ia tidak mengubah tanggungjawab profesional atau piawaian parlimen.

Dibenarkan (O)

- Menghasilkan draf kasar berdasarkan maklumat awam semata-mata.
- Meringkaskan atau mengolah semula ayat dokumen awam.
- Penyuntingan bahasa atau pembetulan tatabahasa.
- Menyusun idea untuk draf dalaman.

Dilarang (X)

- Memuat naik bahan sulit atau dokumen dalaman Parlimen.
- Memuat naik data peribadi atau sensitif.
- Menggunakan hasil AI sebagai produk penyelidikan akhir.
- Menghasilkan kandungan yang menggantikan pertimbangan profesional.

Dengan mematuhi garis panduan ini, penyelidik dapat memanfaatkan kelebihan AI bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penulisan, disamping mengutamakan piawaian kualiti dan integriti yang ketat seperti yang diharapkan oleh Parlimen Malaysia.

Bab ini diadaptasi daripada *European Parliament (2024), Guidelines on the Use of Publicly Available Generative AI Tools for Parliament Staff*, Versi 16 April 2024.¹

¹ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk:

University of Oxford, Generative AI at Oxford, didapati di: <https://www.ox.ac.uk/gen-ai>

European Commission, Directorate-General for Research and Innovation, *Living Guidelines on the Responsible Use of Generative AI in Research* (2nd ed., April 2025)

Lampiran A: Glosari Istilah Parlimen Malaysia

Glosari ini menyediakan definisi bagi istilah-istilah utama yang digunakan dalam konteks Parlimen Malaysia, berdasarkan penggunaan rasmi parlimen.

Glosari	Definisi
Akta Parlimen	Sesuai Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta telah mendapat Perkenan Diraja daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
Dewan Negara	Senat atau Dewan Negara Parlimen Malaysia.
Dewan Rakyat	Dewan Rakyat Parlimen Malaysia
Kamar Khas	Kamar Khas ditubuhkan untuk membolehkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan nasional atau segera dibincangkan tanpa mengganggu perjalanan biasa sidang Dewan Rakyat. Ia mula bersidang buat kali pertama pada 16 Mei 2016.
Ahli Dewan Negara	Senator
Ahli Dewan Rakyat	Ahli Dewan Rakyat
Rang Undang-Undang	Cadangan bagi undang-undang baharu atau pindaan kepada undang-undang sedia ada yang dibentangkan untuk perbahasan di Parlimen.
Jemaah Menteri	Badan eksekutif kerajaan yang diketuai oleh Perdana Menteri.
Jawatankuasa Pilihan	Jawatankuasa Pilihan berkaitan kementerian (merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menyelia portfolio tertentu).
Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara	Jawatankuasa ini bertanggungjawab, antara lain, untuk memeriksa akaun kerajaan, laporan Ketua Audit Negara, serta badan-badan dan pihak berkuasa awam lain yang mentadbir dana awam.

Glosari	Definisi
Bacaan Kali Pertama	Pengenalan rasmi Rang Undang-Undang di dalam Dewan, di mana tajuknya dibacakan tanpa sebarang perbahasan.
Bacaan Kali Kedua	Peringkat di mana prinsip-prinsip am dan merit sesuatu Rang Undang-Undang dibahaskan oleh ahli Dewan.
Bacaan Kali Ketiga	Peringkat akhir pertimbangan sesuatu Rang Undang-Undang di dalam Dewan, yang merangkumi perbahasan muktamad sebelum undian diambil untuk kelulusannya.
Usul	Cadangan rasmi yang dikemukakan untuk perbahasan dan keputusan di dalam Dewan.
Aturan Urusan Mesyuarat	Agenda rasmi bagi sesuatu persidangan Dewan, yang menyenaraikan semua urusan yang akan dipertimbangkan.
Peraturan-Peraturan Mesyuarat	Peraturan tetap yang mentadbir prosedur dan pengendalian urusan di setiap Dewan Parlimen.
Penyata Rasmi	Laporan rasmi verbatim (perkataan demi perkataan) bagi prosiding dan perbahasan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
Kertas Putih	Laporan kerajaan yang memberikan maklumat atau cadangan mengenai sesuatu isu tertentu
Warta Kerajaan	Penerbitan rasmi Kerajaan Malaysia di mana undang-undang baharu, pelantikan, dan notis rasmi lain diterbitkan. Sesuatu undang-undang tidak berkuat kuasa sehingga ia diwartakan.

Lampiran B: Bacaan Lanjut dan Sumber Rujukan

Seksyen ini menyediakan senarai sumber dalam talian yang terpilih dan penting bagi penyelidik parlimen di Malaysia.

► PARLIMEN MALAYSIA

Portal Rasmi Parlimen Malaysia: Sumber utama bagi Hansard, Rang Undang-Undang (RUU), Aturan Urusan Mesyuarat (AUM), maklumat jawatankuasa, dan kalendar persidangan.

URL: <https://www.parlimen.gov.my/>

► PERUNDANGAN DAN KERAJAAN

Jabatan Peguam Negara Malaysia - e-Federal Legislation: Portal rasmi untuk mengakses dan memuat turun teks Akta Persekutuan dan perundangan subsidiari.

URL: <https://lom.agc.gov.my/>

Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (MyGovernment): Portal pusat bagi maklumat mengenai semua kementerian dan agensi kerajaan.

URL: <https://www.malaysia.gov.my/>

► DASAR DAN ANALISIS KAWAL SELIA

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) - Amalan Kawal Selia Baik (GRP): Sumber utama maklumat mengenai Dasar Negara Mengenai Amalan Kawal Selia Baik (NPGRP) dan Analisis Impak Kawal Selia (RIA), termasuk garis panduan dan templat.

URL: <https://grp.mpc.gov.my/>

► STATISTIK

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM): Sumber utama bagi statistik rasmi negara mengenai penduduk, ekonomi, dan hal ehwal sosial.

URL: <https://www.dosm.gov.my/>

Bank Negara Malaysia (BNM): Bank pusat yang menyediakan statistik utama ekonomi dan kewangan.

URL: <https://www.bnm.gov.my/>.

► BADAN PEMIKIR DASAR AWAM YANG DIKENALI DI MALAYSIA

Institut Penyelidikan Khazanah (KRI):

URL: <https://www.krinstitute.org/>

Institut Pengajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia:

URL: <https://www.isis.org.my/>

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS):

URL: <https://www.ideas.org.my/>

IMAN Research:

URL: <https://www.imanresearch.com/>

Institut Analisis Strategik dan Penyelidikan Dasar (INSAP):

URL: <https://insap.org.my/>

Institut Pembangunan Sosioekonomi dan Penyelidikan (SEDAR):

URL: <https://www.isedar.my/>

Penang Institut:

URL: <https://penanginstitute.org/>

► HASIL PENYELIDIKAN PARLIMEN LAIN

Kesatuan Antara Parlimen (IPU) | <https://www.ipu.org/resources/publications>

Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) | <https://www.cpahq.org/>

Parlimen United Kingdom

Perpustakaan House of Lords | <https://lordslibrary.parliament.uk/>

Perpustakaan House of Commons | <https://commonslibrary.parliament.uk/>

Parlimen Australia | Perpustakaan Parlimen dan Penyelidikan

https://www.aph.gov.au/About_Parliament/Parliamentary_departments/Parliamentary_Library

RESEARCH HANDBOOK FOR
PARLIAMENTARY RESEARCH

eISBN 978-629-98706-7-8

